

Pelajar UPM cipta sensasi di Belanda

“PADA awalnya, saya agak gementar kerana akan berseorangan di Belanda selama seminggu. “Namun ketakutan itu perlu diatasi kerana saya yakin program ini akan memberi impak positif kepada pembangunan diri dan buat Malaysia pada masa hadapan.”

Itulah kata-kata penuh semangat dituturkan oleh Muhammad Zulfakhri Zulkifli, 23, yang merupakan pelajar tahun akhir Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik, Universiti Putra Malaysia (UPM).

Dia merupakan satu-satunya pelajar yang terpilih mewakili negara dalam pertandingan Eindhoven Semicon Summer School (ESSS) 2025 (Edisi Ketiga) di Belanda baru-baru ini.

Lebih membanggakan, anak bongsu

“

Saya sangat bersyukur dan bangga kerana kejayaan ini bukan sahaja untuk diri saya dan pasukan, malah membawa nama UPM serta Malaysia di pentas antarabangsa.”

daripada lapan beradik itu bersama kumpulannya dinobatkan sebagai johan pertandingan ESSS 2025.

Mereka menundukkan beberapa kumpulan lain yang terdiri 80 pelajar antarabangsa daripada lebih 20 universiti terkemuka.

“Saya sangat bersyukur dan bangga kerana kejayaan ini bukan sahaja untuk diri saya dan pasukan, malah membawa nama

UPM serta Malaysia di pentas antarabangsa.

“Pertandingan ini dianjurkan sebagai sebahagian daripada program ESSS kepada pelajar terpilih bagi mendalami ilmu teknologi semikonduktor dan sistemnya,” katanya

Berkongsi mengenai semikonduktor, anak jati Kuala Kubu Bharu, Selangor memberitahu, teknologi semikonduktor merupakan satu teknologi berasaskan

bahan seperti silikon yang digunakan untuk membuat cip dan komponen elektronik dalam telefon pintar, komputer serta hampir semua peranti moden.

Menerusi pertandingan tersebut, para peserta dibahagikan kepada 12 kumpulan bagi menyiapkan projek bertemakan sistem fotonik dalam tempoh lima hari sebelum membuat pembentangan.

Fotonik merupakan sistem yang menggunakan cahaya (*photon*) dalam kaedah penghantaran data berbanding elektron bagi sistem elektronik biasa.

“Penyertaan saya ini adalah hasil jemputan rasmi Kedutaan Belanda kepada UPM dengan sokongan pensyarah, Sekretariat National Semiconductor Strategy (NSS), TalentCorp dan Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI),” ujarnya.